



KERATAN AKHBAR

SURAT KHABAR	:	UTUSAN MALAYSIA			
TARIKH	:	20/3/2019	MUKA SURAT	:	12
JABATAN	:	PERHILITAN			
KLASIFIKASI	:	PERHATIAN			



BEBERAPA petugas melumurkan kunyit sumbangan Adabi Consumer ke badan seekor gajah di Zoo Negara, Kuala Lumpur, kelmarin. - GAMBAR IHSAN FACEBOOK ADABI CONSUMER

Gajah 'dimandikan' 7kg. serbuk kunyit

KUALA LUMPUR 19 Mac - Serbuk kunyit yang sering digunakan dalam masakan memang diakui mempunyai pelbagai khasiat lain termasuk dalam bidang perubatan tradisional dan kecantikan.

Namun, tidak ramai yang mengetahui kunyit juga boleh digunakan bagi tujuan perubatan untuk haiwan.

Ini lah yang berlaku kepada seekor gajah di Zoo Negara yang 'dimandikan' dengan serbuk kunyit bagi memberikan khasiat tambahan kepada kulit haiwan tersebut.

"Pihak Adabi Consumer Industries dengan kerjasama Zoo Negara telah 'mandikan' gajah dengan serbuk kunyit kira-kira pukul 9 pagi semalam.

"Gajah tersebut telah dilumurkan dengan kunyit pada keseluruhan

badannya," kata Adabi Consumer dalam Facebook miliknya malam ini.

Tambahnya lagi, sebanyak tujuh kilogram serbuk kunyit telah digunakan untuk dilumurkan pada seekor gajah.

"Kemudian lumuran kunyit itu akan dibiarkan pada badan gajah agar khasiat pada kunyit meresap masuk ke dalam kulitnya.

"Kaedah melumur kunyit pada kulit gajah ini sebenarnya telah dipraktikkan di setiap zoo kerana khasiat semula jadi pada kunyit baik untuk kulit gajah," katanya.

Adabi Consumer menambah, serbuk kunyit juga mempunyai pelbagai khasiat lain antaranya mampu merawat luka kecil, merawat gigitan serangga dan sebagai agen pemulih kulit.